

MAJLIS PELANCARAN KUALA LUMPUR BEBAS ASAP ROKOK DI SUNWAY PUTRA MALL

Majlis Pelancaran Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok pada 18 Mei 2017 yang telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Seri Haji Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur di Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur.









KENYATAAN AKHBAR

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

MAJLIS PELANCARAN KL BEBAS ASAP ROKOK DI JEJANTAS / LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG BANDARAYA KUALA LUMPUR 2017

Semua laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas berbumbung dan terowong pejalan kaki bawah tanah di Kuala Lumpur telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di bawah peraturan 22 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 berkuat kuasa mulai 15 April 2017. Ini menjadikan 23 tempat dilarang merokok di Bandaraya Kuala Lumpur, termasuklah taman-taman awam yang telah diwartakan pada 1 Februari 2017.

Majlis Pelancaran KL Bebas Asap Rokok Di Jejantas/Laluan Pejalan Kaki Berbumbung 2017 pada hari ini dirasmikan oleh YBhg Datuk Bandar Kuala Lumpur bertujuan untuk memberi hebahan dan pemberitahuan orang ramai bahawa semua laluan pejalan kaki berbumbung adalah kawasan larangan merokok di Kuala Lumpur. Terdapat 141 laluan pejalan kaki berbumbung di Kuala Lumpur dan bilangan ini akan bertambah dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM 10, 000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Kejayaan ini merupakan satu titik permulaan, Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok dan menjelang tahun 2045 (The End Game) menyasarkan

kurang 5 peratus yang merokok atau tiada yang merokok di Malaysia. Penambahan kawasan larangan merokok ini melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok dan aktiviti ini dapat meningkatkan taraf kesihatan masyarakat. Ini merupakan pendekatan membudayakan amalan tidak merokok atau "denormalization" iaitu masyarakat menolak budaya merokok di khalayak ramai. Pendekatan ini akan mencetuskan perubahan tingkahlaku yang akan menjurus kepada peningkatan kadar berhenti merokok di kalangan perokok.

Pada hari ini juga satu memorandum persefahaman telah ditandatangani yang terdiri daripada sembilan (9) rakan perkongsian pintar yang terdiri daripada agensi kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan dan juga komuniti bersetuju bersama-sama Local Agenda 21 KL dalam usaha melaksanakan inisiatif KL Bebas Asap Rokok, KL Sejahtera LA21 KL. Kerjasama ini melibatkan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Majlis Kawalan Tembakau Malaysia, Sunway Putra Mall, Putrade Property Management SB (PWTC), The Plaza Hotel Kuala Lumpur, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (My Sihat) dan Malaysian Association of Environmental Health. Marilah kita bersatu hati dan berani mengambil tindakan untuk menegur perokok-perokok yang merokok di tempat awam supaya kita semua bebas dari asap rokok dan juga lain-lain produk merokok.

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
18 MEI 2017